

Pentingnya Penyelidikan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan

Oleh: Dr. Wong Huey Siew

Pensyarah: Open University Malaysia

Fakulti Sains Sosial Gunaan

e-mail: wonghueysiew@oum.edu.my

H.P: 012-2766750

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan satu persoalan utama yakni, pentingnya penyelidikan kepada sesebuah badan bukan kerajaan dan impaknya ke atas kesejahteraan sosial komuniti yang mereka sasarkan. Antara hujah-hujah yang menyokong tentang pentingnya sesuatu penyelidikan kepada badan bukan kerajaan termasuk penyelidikan dapat membantu NGO menjelaskan sesuatu perkara dengan cara yang saintifik, memberikan data yang konkrit, mengenal pasti sebab-sebab berlakunya sesuatu perkara dan sebagai sumber maklumat yang sahih. Tumpuan perbincangan banyak berlandaskan kepada pengalaman pembentang yang secara kebetulan terlibat secara langsung dalam beberapa NGO yang berkaitan dengan orang kurang upaya. Di sampping itu, kertas kerja ini juga ada mengemukakan beberapa cadangan agar penyelidikan yang sistematik dapat dipergiatkan di kalangan NGO melalui usaha kerajaan seperti menyediakan dana penyelidikan, melatih lebih ramai tenaga mahir untuk menjalankan penyelidikan dan hasil penyelidikan dimanfaatkan sepenuhnya melalui data bank yang dicadangkan. akhir kata, dengan adanya aktiviti penyelidikan dan hasil ddapatannya tentu sekali akan membantu para pemimpin NGO untuk membuat perancangan yang strategik dan seterusnya melaksanakan pelbagai program yang berkesan untuk memajukan kesejahteraan sosial komuniti kelak.

Pengenalan

Kertas kerja ini akan membincangkan satu tajuk yang menarik dan ia jarang-jarang sekali disentuh oleh kebanyakan orang khususnya para pengkaji sains social. Tajuk yang dimaksudkan ini adalah berkaitan dengan pentingnya penyelidikan kepada badan-badan bukan kerajaan atau Non-governmental Organisation(NGO). Sebagaimana kita sedia maklum bahawa sesebuah NGO ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasaran tertentu. Mereka selalu terlibat dalam membuat perancangan dan perlaksanaan program. Ini jelas menunjukkan bahawa NGO telah memainkan peranan yang penting dalam membantu usaha kerajaan untuk memajukan taraf hidup dan seterusnya kesejahteraan social kumpulan yang mereka sasarkan. Misalnya, NGO yang berkhidmat kepada orang kurang upaya (OKU) telah banyak memberikan sumbangan ke atas peningkatan kesejahteraan social di kalangan OKU di negara ini. Justeru, persoalan yang berhubung dengan pentingkah penyelidikan itu kepada NGO ini akan dikupas dari pengalaman peribadi pembentang yang secara langsung terlibat dalam kerja-kerja NGO dan juga beberapa siri perbincangan yang dilakukan bersama dengan beberapa pemimpin NGO.

Definisi Konsep

1. Badan bukan kerajaan.

Badan bukan kerajaan juga lebih dikenali sebagai non-governmental organisation (NGO). Mengikut Wikipedia, (A non-governmental organization is a legally constituted organization created by natural or legal persons that operates independently from any form of government). Istilah ini dikatakan berasal daripada Bangsa-Bangsa Bersatu dan ia kerap kali merujuk kepada organisasi yang bukan merupakan sebahagian kerajaan dan juga bukan untuk tujuan keuntungan. Sebaliknya, ia merupakan satu badan yang ditubuhkan berlandaskan kepada kepentingan ahli-ahli yang menyertainya. (notapolitik.blogspot.com/.../badan-bukan-kerajaan-dalam-isu.html) apa yang nyata di sini adalah sesebuah NGO itu diwujudkan atas dasar sukarela dan secara tak langsung dapat mengurangkan beban kerajaan, bertindak sebagai semak dan imbang serta menyuburkan amalan demokrasi.

2. Kesejahteraan social

Mengikut Kamus Oxford (2007; 787) kesejahteraan bermaksud keadaan baik, sihat dan sejahtera. Wilson (1967) dalam Ed Diener (1984) mengatakan bahawa perkembangan teori untuk memahami kesejahteraan (well-being) sedikit sebanyak telahpun dibuat sejak zaman awal Greek. Pada zaman silam, ahli falsafah berpendapat bahawa kesejahteraan merupakan “highest, good and ultimate motivation for human action”. Ed Diener (1984). dalam sesetengah tulisan mengenai kesejahteraan, adakalanya ia juga diistilahkan sebagai kegembiraan, kepuasan, morale dan perasaan positif.

Pada tahun 1973, Psychological Abstracts International telah menyenaraikan kegembiraan sebagai satu perkara indeks (index term). Halbert Dunn (1961) yang dipetik daripada Mark J Warner (1984) telah memperkenalkan istilah kesejahteraan (wellness) dan mendefinisikannya sebagai satu kaedah bersepodu yang berorientasikan pemaksimuman potensi individu dalam persekitaran di mana dia berfungsi. Sesungguhnya, idea dan konsep sejahtera yang diperkenalkan oleh Dunn merupakan asas kepada pergerakan kesejahteraan hari ini. Hasil daripada sumbangan Dunn, ramai pengamal telah memperkembangkan model kesejahteraan yang pelbagai, tetapi semuanya mempunyai satu asas yang sama iaitu mencipta individu yang berfungsi secara optima dengan mengintegrasikan aspek jasmani, pemikiran dan rohani (mind, body and spirit).

3. Penyelidikan.

Mengikut Kamus Oxford (1987; 464), erti penyelidikan ialah (careful search, or inquiry into subject to discover facts by study or investigation). Penyelidikan boleh ditafsirkan sebagai (a general term which covers all kinds of studies designed to find responses to worthwhile questions by means of a systematic and scientific approach).
www.alzheimer-europe.org/Research/...research/...research/Why-do-..

Seterusnya, pada pendapat Rohana Kamarudin, Noriaty Ahmad dan Catherine S.F. Ho (2011) menganggap penyelidikan sebagai (a process of investigation that is carried out in an organised and systematic manner to address a specific problem or issue. When you investigate a phenomena of interest, it must be thorough and rigorous from the beginning until the end of the research process).

Mengikut Bob McKeeC(2003) Terdapat dua jenis penyelidikan iaitu (research which has validity within the academic environment which contributes to the knowledge base and research which has value within the practitioner environment which contributes to service innovation and service development).

Mengapakah penyelidikan penting kepada sebuah NGO?

Terlebih dahulu marilah kita melihat kenyataan ini (A lot of what we do in our daily lives is based on common sense, what we have learnt from others or what we have learnt through personal experience or observation. But sometimes common sense is not the best approach and sometimes there are conflicting theories about what is best or what works in a particular situation) cited from www.alzheimer-europe.org/Research/...research/...research/Why-do-.ternyata bahawa kenyataan ini telah membantu kita memahami betapa pentingnya penyelidikan itu kepada masyarakat. Ia juga jelas menunjukkan bahawa kata-kata komisen atau pandangan peribadi itu adalah terlalu objektif dan sukar diterima oleh masyarakat moden hari ini. Apakah situasi sedemikian kerap kali berlaku pada masyarakat kita? Apa pula para pemimpin kita membuat kenyataan akhbar semata-mata berdasarkan kepada pendapat sendiri atau merujuk kepada sesuatu kajian?

Sehubungan ini, satu persoalan yang seringkali ditanyakan oleh orang ramai iaitu, adakah NGO perlu membuat penyelidikan dan apakah kepentingannya? Untuk menjawab soalan ini, pembentang lebih gemar merujuk kepada pengalaman peribadi yang telah sekian lama terlibat dalam kerja-kerja NGO, sebagaimana kita mengetahui bahawa setiap NGO yang ditubuhkan itu mempunyai matlamat yang tersendiri. Misalannya, Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia ditubuhkan dengan tujuan untuk memajukan taraf sosial-ekonomi dan sebagai juru cakap kepada komuniti OKU penglihatan. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam perjuangan NGO, mereka terpaksa menghadapi seribu macam isu, masalah dan cabaran. Jika hendak menyelesaikan masalah tersebut, mereka perlu mengemukakan banyak data dan fakta yang saintifik untuk menyokong hujah masing-masing. Jadi, mereka amat berharap bahawa adanya dana penyelidikan daripada pihak kerajaan untuk membiayai penyelidikan mereka bagi kepentingan komuniti yang dibantu.

Pada umumnya, para pemimpin NGO berpendapat bahawa sesuatu hasil penyelidikan itu boleh membantu mereka untuk tujuan berikut:

1. menjelaskan sesuatu perkara dengan cara yang saintifik.

NGO sentiasa mengemukakan berbagai isu dan fenomena sama ada melalui mesyuarat dalaman atau ketika bermesyuarat dengan pihak kerajaan. Jika sesuatu isu itu Cuma merupakan satu andaian atau dakwaan, maka adalah sukar hendak meyakinkan pihak berkuasa. Akibatnya, tiada langkah-langkah yang berkesan diambil untuk menanggani masalah berkenaan. Justeru, adalah wajar bagi NGO menjalankan penyelidikan dan hasil penyelidikan dapat dijadikan sebagai fakta yang saintifik. Jadi, NGO mampu menjelaskan keseluruhan fenomena tersebut dengan terperinci bukannya berbentuk satu andaian atau cakap-cakap sahaja.

2. memberikan data yang konkret untuk menyokong hujah.

Lazimnya, ramai orang termasuk para pemimpin masyarakat gemar memberikan pandangan atau komen peribadi tanpa melakukan sebarang kajian. Jadi, ia seringkali menimbulkan kemushkilan dan kesangsian. Oleh itu, adalah elok jika penyelidikan dijalankan bagi mengumpulkan bukti atau data untuk menyokong hujah mereka. Contohnya, mengapakah masalah pengangguran masih tinggi di kalangan OKU? Apakah kenyataan ini benar? Adakah benar majikan keberatan menerima OKU bekerja? Jadi, satu penyelidikan amat diperlukan bagi menjawab persoalan tersebut.

3. mengenal pasti sebab-sebab berlakunya sesuatu perkara.

Adalah menjadi lumrah bahawa banyak masalah atau kejadian berlaku dari semasa ke semasa dalam masyarakat. Tanpa adanya penyelidikan maka, sukar hendak memberikan keterangan yang tepat seperti mengapa berlaku kejadian itu. Jadi, hasil penyelidikan yang dijalankan sahaja dapat memberikan jawapan yang tepat dan mengenalpasti punca-puncanya. misalnya, mengapakah OKU seringkali dipandang negatif oleh bakal majikan dan mengapakah penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan OKU sukar hendak dilaksanakan di masyarakat Malaysia. oleh itu, penyelidikan sahaja yang dapat memberikan jawapan yang tepat.

4. sebagai sumber maklumat yang sahih.

Hasil penyelidikan pastinya akan membantu para pemimpin NGO atau mana-mana pihak untuk menjadikannya sebagai bukti yang penting dalam mempengaruhi sesuatu keputusan. Data yang diperoleh juga mustahak kepada pembuat dasar untuk menentukan sesuatu dasar. Misalnya, perubahan laluan bas sama ada sehala atau dua hala dan apakah kesannya kepada komuniti warga tua atau OKU. Jadi, penyelidikan amat diperlukan untuk dijadikan sebagai satu sumber yang boleh dipercayai dan sahih. betulkah majoriti tidak sukakan perubahan jalan itu atau sebaliknya kebanyakan orang menyambut baik perubahan jalan tersebut.

5. mendalami sesuatu isu dan menambahkan ilmu pengetahuan.

Penyelidikan yang berjaya akan menghasilkan suatu penemuan. Ini bermakna, hasil penyelidikan itu akan membantu para pemimpin NGO memahami sesuatu isu dengan lebih terperinci. Ia juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan mereka. Contohnya, apakah OKU yang menjual tisu di tepi jalan itu merupakan pengemis? Kenapa isu ini menjadi kontroversial di antara pemimpin NGO dan pegawai kerajaan? Jawapanya mudah, iaitu sesetengah orang tidak mempunyai ilmu pengetahuan berkenaan dengan perkara itu. Jadi, mereka suka membuat bermacam-macam andaian yang tidak berdasas. Bagi sesiapa yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang perkara ini akan mempunyai tafsiran atau pendapat yang berbeza dengan orang yang tidak mempunyai sebarang pengetahuan berkenaan. Justeru, para pemimpin NGO sama ada yang junior maupun senior sentiasa memerlukan ilmu pengetahuan dalam memahami isu komuniti. Oleh itu, pemahaman dan ilmu yang diperolehi tentu sekali akan membantu dalam perjuangan organisasi masing-masing dan seterusnya dapat memajukan kesejahteraan sosial mereka.

6. mengumpulkan maklumbalas komuniti.

Pada setiap kali, kita seringkali mendengar atau terbaca berita bahawa seseorang pemimpin akan menyatakan bahawa ramai orang akan menyokong projek yang bakal dilaksanakan itu. Benarkah kenyataan tersebut? Sebaliknya, ada sesetengah akan mendakwa bahawa ramai ahli akan membantah tindakan terbaru yang diumumkan itu. Apakah pernyataan itu mewakili majoriti orang atau Cuma merupakan pendapat peribadi beliau sahaja? Oleh itu, penyelidikan boleh membantu untuk memberikan satu jawapan yang tepat dan mewakili komuniti tersebut. misalnya, orang yang buta sebelah mata boleh diklasifikasikan sebagai OKU penglihatan. Adakah komuniti OKU penglihatan bersetuju dengan tindakan ini? kemudian, adakah hanya berdasarkan kepada pendapat seorang pemimpin yang membuat kenyataan akhbar itu dianggap mewakili suara keseluruhan komuniti? Begitu juga, adakah pemimpin tersebut telah merujuk kepada komunitinya? Oleh itu, ada pentingnya NGO untuk menjalankan penyelidikan bagi mengumpulkan maklumbalas mereka.

7. menyiasat sesuatu fenomena dan memberikan penjelasan kepadanya.

Pada umumnya, banyak isu dan masalah berkaitan dengan OKU berlaku dari semasa ke semasa. Lazimnya, terdapat banyak pihak memberi reaksi ke atas permasalahan tersebut. Misalnya, isu pengemis di kalangan OKU dikaitkan dengan sindiket. Apakah dakwaan itu benar? Apakah Masyarakat mempunyai pemahaman yang mendalam tentang perkara ini? Seterusnya, Terdapat juga sesetengah pihak suka memberikan pelbagai andaian dan tanggapan. Apa yang malang adalah pandangan mereka seringkali adalah tidak pernas dan langsung tidak menggambarkan keadaan sebenar. Justeru, NGO perlu menjalankan penyelidikan untuk menyiasat isu sebegini dan memberikan penjelasan yang tepat kepada masyarakat umum.

Cadangan

Jika sesuatu penyelidikan itu benar-benar boleh memanfaatkan komuniti OKU maka, pihak kerajaan boleh memainkan peranan yang penting yakni, melalui dana penyelidikan yang diperuntukan kepada NGO dan para NGO juga mesti ada pakar untuk menjalankan penyelidikan. Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa cadangan akan dikemukakan dan ia adalah seperti berikut:

1. Menubuhkan dana penyelidikan untuk NGO

Bagi mengatasi kekangan sebagaimana yang dibincangkan di atas, adalah elok jika pihak kerajaan dapat mewujudkan satu dana khas melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada mana-mana NGO yang ingin menjalankan penyelidikan. Dengan itu, mereka dapat mengemukakan data-data yang dikumpulkan secara saintifik tanpa diragui oleh mana-mana pihak. Di samping, mereka juga dapat menyokong hujah masing-masing dengan hasil dapatan yang sahih dan boleh dipercayai. jadi, sejumlah dana penyelidikan amat diperlukan dari pihak kerajaan untuk maksud ini.

2. melatih lebih ramai penyelidik.

Seandainya, dana penyelidikan telah Berjaya diperolehi, NGO sendiri juga perlu bertanggungjawab untuk menubuhkan unit penyelidikan masing-masing. Bahkan, mereka juga boleh menjalinkan kerjasama melalui konsep perkongsian pintar dengan institusi pengajian tinggi tempatan atau agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi menjayakan maksud penyelidikan. Apa yang sudah pasti adalah NGO perlu melatih penyelidik yang mahir dan cekap dalam merancang, mengurus, menyelia dan melaksanakan projek penyelidikan. penyelidikan mesti dilakukan oleh mereka yang mahir dan cekap tanpa menimbulkan sebarang kesangsian.

3. data Bank.

Adalah wajar kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan satu data bank penyelidikan bagi menyimpan semua hasil penyelidikan berkaitan dengan perihal OKU atau semua NGO yang mempunyai hubung-kait dengan OKU. dengan adanya bank tersebut, semua pihak termasuk kerajaan, masyarakat umum, akademik, pembuat dasar, pihak berkuasa, NGO sendiri dan sebagainya mendapat faedah daripada bank penyelidikan ini. Jadi, banyak maklumat atau data yang tepat dapat dikongsikan bersama tanpa ragu-ragu.

Kesimpulan

Dipercayai bahawa dengan adanya dana penyelidikan sebagaimana yang disediakan oleh pihak kerajaan, semua NGO boleh menjalankan banyak penyelidikan mengikut keperluan masing-masing. Penemuan-penemuan kajian itu pastinya boleh dimanfaatkan oleh NGO untuk berganding-bahu dengan pihak kerajaan untuk merancang dan melaksanakan berbagai program yang mesra kepada OKU. Jadi, permasalahan seperti salah faham dan bukan kehendak kumpulan sasaran dan sebagainya tidak timbul lagi. Oleh itu, matlamat kearah peningkatan kesejahteraan social tentu sekali dapat dicapai melalui suatu penyelidikan yang bermakna. inilah yang dikatakan masyarakat era maklumat dan setiap tindakan mestilah berasaskan kepada fakta. Fakta yang tepat hanya boleh diperolehi melalui penyelidikan yang saintifik. Jadi, NGO amat memerlukan penyelidikan dalam menyokong perjuangan masing-masing dan sekaligus member impak yang positif ke atas kesejahteraan social komuniti.

Rujukan

- 1 Ed Diener, 'Subjective Well-Being', *Psychological Bulletin*, 1984, Vol. 95, No. 3, pg, 542-575.
- 2 McKeeC Bob(2003)dalam www.lirg.org.uk/lir/pdf/88_mcKee.pdf
- 3 www.alzheimer-europe.org/Research/...research/...research/Why-do-.
- 4 Rohana Kamarudin, Noriati Ahmad dan Catherine S.F. Ho (2011) Business Research Method Meteor Doc Sdn Bhd
- 5 Oxford Fajar SDN BHD (20007)
- 6 The Little Oxford dictionary six edition, (1987) Oxford University Press